

1. Jalan raya yang baru dibina itu dapat _____ Kampung Jejawi dengan kampung-kampung yang berdekatan.

- ☐ A mengeratkan
- ☐ B menghubungkan
- ☐ C menggabungkan
- ☐ D menggantungkan

2. Jabatan Pertanian amat menggalakkan golongan belia supaya _____ penanaman tanaman komersial di kawasan tanah terblar di kampung masing-masing.

- ☐ A mengusahakan
- ☐ B menggerakkan
- ☐ C menggiatkan
- ☐ D melebarkan

3. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Pak Halim sedang _____ tanah untuk dibuat batas di antara petak sawahnya itu.

- ☐ A mencangkul
- ☐ B membajak
- ☐ C menimbus
- ☐ D memajak

4. Kita perlu _____ ilmu sains dan teknologi untuk mencapai kemajuan negara.

- ☐ A mengikuti
- ☐ B menikmati
- ☐ C menguasai
- ☐ D mengelilingi

5. Tangan Nek Jah terluka ketika dia _____ beberapa biji kelapa.

- ☐ A meramas
- ☐ B memulas
- ☐ C memarut
- ☐ D menapis

6. Kapten Azwan _____ kasut kawadnya sehingga berkilat.

- ☐ A mengesat
- ☐ B mengelap
- ☐ C menggilap
- ☐ D menggaru

7. Encik Hambali menyeru semua kakitangannya agar _____ kualiti kerja untuk me _____ an perjalanan operasi syarikat.

- ☐ A meneguhkan
- ☐ B membataskan
- ☐ C mengukuhkan
- ☐ D meningkatkan

8. "Bahan pencuci yang dikeluarkan oleh syarikat kami ini mampu _____ pelbagai jenis bakteria yang terdapat di sekeliling kita terutamanya di rumah," kata jurujual itu kepada Puan Maya.

- ☐ A menggelapkan
- ☐ B membebaskan
- ☐ C menghapuskan
- ☐ D menghindarkan

9. Adira dan kakaknya membantu ibu mereka _____ daun kelapa untuk dibuat ketupat sempena Hari Raya Aidilfitri nanti.

- ☐ A menjahit
- ☐ B mencium
- ☐ C menggubah
- ☐ D menganyam

10. Ajmain belajar _____ biola daripada Pak Hamzah.

- ☐ A meniup
- ☐ B memetik
- ☐ C menggosok
- ☐ D menggesek

11. Borhan dan adiknya baru pulang daripada _____ wayang di pawagam yang berdekatan dengan rumah mereka.

- ☐ A meneliti
- ☐ B mengintai
- ☐ C menonton
- ☐ D mengintip

12. Rakyat Malaysia harus bersatu padu untuk _____ kemakmuran negara.

- ☐ A memerlukan
- ☐ B menerapkan
- ☐ C menetapkan
- ☐ D mengekalkan

13. Irdani mahu _____ selok-belok perniagaan melalui ibu saudaranya yang sudah lama membuka perniagaan menjual barangan perhiasan dapur.

- ☐ A mempelopori
- ☐ B mempelajari
- ☐ C menyoroti
- ☐ D menuruni

14. Varian virus COVID-19, iaitu varian Delta boleh _____ seseorang dalam tempoh _____ sahaja.

- ☐ A mendepani
- ☐ B menjangkiti
- ☐ C menghampiri
- ☐ D menghinggap

15. Hamdan _____ semua harta kekayaan ayahnya kerana dia anak tunggal.

- ☐ A mewakili
- ☐ B mewarisi
- ☐ C mendiami
- ☐ D menakluki

16. Pengerusi persatuan akhirnya _____ jawatan yang disandangnya selama lima tahun itu untuk memberikan peluang kepada ahli persatuan yang baharu.

- ☐ A menggugurkan
- ☐ B memindahkan
- ☐ C memberikan
- ☐ D melepaskan

17. David dan Priscilla sedang sibuk _____ rumah mereka dengan pokok Krismas kerana Hari Natal bakal menjelang minggu hadapan.

- ☐ A menghiaskan
- ☐ B memeriahkan
- ☐ C memasyhurkan
- ☐ D menyemarakkan

18. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Ibu pengantin perempuan _____ air mawar kepada kedua-dua orang mempelai yang sedang bersanding di atas pelamin.

- ☐ A menyemburkan
- ☐ B mencurahkan
- ☐ C menjiruskan
- ☐ D merenjiskan

19. Pak Majid menggunakan parang panjang untuk _____ anak-anak pokok hutan yang tumbuh meliar di kebunnya.

- ☐ A merobek
- ☐ B menebas
- ☐ C mencabut
- ☐ D memangkas

20. Para usahawan tempatan digalakkan agar _____ peluang pelaburan di luar negara untuk memajukan perniagaan mereka.

- ☐ A melihat
- ☐ B melakar
- ☐ C meneroka
- ☐ D menyiasat